



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
JADUAL GAJI (MIN – MAKSA)	:	GRED U29 RM1,797.00 – RM5,753.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (<i>CONTRACT OF SERVICE</i>)
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN DI JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR 1 KEKOSONGAN DI JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
SYARAT LANTIKAN	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:- (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) (i) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred U29:RM1,797.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT KELAYAKAN TAMBAHAN	:	<ul style="list-style-type: none">Keutamaan kepada calon yang memiliki pengalaman dalam bidang kesihatan persekitaran. <p>Pemohon perlulah meletakkan maklumat syarat kelayakan tambahan serta kemahiran dan pengalaman dalam bidang kesihatan persekitaran di ruangan Maklumat Kemahiran di dalam Portal Perak Digital.</p>
TARIKH TUTUP IKLAN	:	29 FEBRUARI 2024

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
 - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
 - (ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini
 - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.


.....
SYAMSUL HAZEMAN BIN MD.SALLEH, PMP, AMP
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

TARIKH : 13 FEBRUARI 2024 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.9